

**PARTNER - MENINGKATKAN EFISIENSI PERBANKAN DAN PERKHIDMATAN
PELANGGAN KE ARAH PERKONGSIAN PERNIAGAAN SEJATI**

**INISIATIF FASA 1: MEMPERKEMAS DAN MEMPERMUDAHKAN PERMOHONAN
PINJAMAN PKS**

Soalan Lazim (FAQs)

1. Apa itu "PARTNER"?

- "PARTNER" ialah satu siri inisiatif yang dijalankan oleh Persatuan Bank Bank Dalam Malaysia (ABM) dan ahli-ahli bank komersilnya bagi menyokong pertumbuhan dan pembangunan Sektor Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS).
- Dibawah "PARTNER", kami berhasrat untuk menjadi sebagai rakan kongsi dan bukan sahaja pembiaya kewangan. Di bawah fasa 1 inisiatif-inisiatif tersebut, kami cuba memperkemas dan memudahkan proses-proses dan prosedur-prosedur untuk permohonan pinjaman PKS.

2. Berapa banyak bank yang akan menyertai "PARTNER"?

- Sejumlah 14 bank-bank komersil yang terdiri daripada 9 bank-bank tempatan dan 5 bank-bank antarabangsa akan turut serta dalam "PARTNER".

Berikut adalah bank-bank yang terlibat (menurut abjad) dalam "PARTNER":-

- | | |
|----------------------------------|---|
| 1. Affin Bank Berhad | 8. HSBC Bank Malaysia Berhad |
| 2. Alliance Bank Malaysia Berhad | 9. Malayan Banking Berhad (Maybank) |
| 3. AmBank (M) Berhad | 10. OCBC Bank (Malaysia) Berhad |
| 4. CIMB Bank Berhad | 11. Public Bank Berhad |
| 5. Citibank Berhad | 12. RHB Bank Berhad |
| 6. EON Bank Berhad | 13. Standard Chartered Bank Malaysia Berhad |
| 7. Hong Leong Bank Berhad | 14. United Overseas Bank (Malaysia) Berhad |

3. Bagaimanakah proses-proses dan prosedur-prosedur permohonan pinjaman PKS dipermudahkan?

- Di bawah "PARTNER", satu borang permohonan pinjaman yang mudah telah disediakan di mana ianya boleh digunakan sekiranya bank yang ingin dikunjungi tidak mempunyai borangnya sendiri. Daripada pengamatan kami, bank-bank berikut mempunyai borang permohonan mereka sendiri untuk PKS:-

- | | |
|-------------------------------------|--|
| 1. Alliance Bank Malaysia Berhad | 6. OCBC Bank (Malaysia) Berhad |
| 2. EON Bank Berhad | 7. Public Bank Berhad |
| 3. Hong Leong Bank Berhad | 8. RHB Bank Berhad |
| 4. HSBC Bank Malaysia Berhad | 9. Standard Chartered Bank Malaysia Berhad |
| 5. Malayan Banking Berhad (Maybank) | |

- Susulan pelancaran inisiatif PARTNER, sebanyak 8 bank telahpun menggunakan borang permohonan PARTNER. Sila berhubung dengan bank-bank tersebut untuk maklumat lebih lanjut berkenaan hal ini. Senarai 8 bank adalah seperti berikut:-

- | | |
|---------------------------|--|
| 1. Affin Bank Berhad | 5. HSBC Bank Malaysia Berhad |
| 2. AmBank (M) Berhad | 6. Malayan Banking Berhad (Maybank) |
| 3. EON Bank Berhad | 7. RHB Bank Berhad |
| 4. Hong Leong Bank Berhad | 8. United Overseas Bank (Malaysia) Bhd |

- Tambahan kepada borang permohonan mudah ini, dilampirkan juga dua set senarai semak. Set yang pertama memperincikan dokumen-dokumen umum/am atau maklumat yang perlu dilampirkan bersama borang permohonan dan set kedua memperincikan dokumen-dokumen khusus atau maklumat yang diperlukan untuk pelbagai jenis kemudahan. Dengan cara ini, anda akan dapat menjangkakan dokumen-dokumen sokongan atau maklumat yang perlu diberikan untuk tujuan permohonan pinjaman dan menggunakannya kembali jika diperlukan. Namun begitu, sila ambil perhatian bahawa senarai semak ini mungkin akan ditambah lagi oleh sesetengah bank untuk mendapatkan maklumat atau dokumen tambahan bagi membantu dalam memproses pinjaman.
- 4. Adakah semua bank-bank akan menggunakan borang permohonan mudah ini dan senarai semakan dokumen-dokumen?**
- Sekiranya bank yang mana anda kunjungi untuk membuat pinjaman PKS mempunyai borang permohonannya sendiri, sila gunakan borang tersebut melainkan jika dinasihat untuk menggunakan borang ini.
 - Kami akan menasihati anda sama ada anda perlu menggunakan borang permohonan mudah ini atau borang permohonan bank yang sedia ada apabila membuat permohonan untuk satu pinjaman PKS.
- 5. Apakah had masa semasa, bagi semakan semula dan proses permohonan pinjaman PKS? Adakah had masa ini boleh dipendekkan?**
- Dengan inisiatif "PARTNER", bank-bank telah menyediakan satu had masa biasa yang menunjukkan peringkat-peringkat dalam pemprosesan satu permohonan pinjaman yang jelas dan mudah dan tempoh masa yang dijangkakan. Ini akan membolehkan anda merancang dahulu dan menjangka masa yang akan diambil untuk mengkaji semula dan proses permohonan pinjaman PKS anda. Penekanan dan tujuan had masa biasa ini, adalah bukan untuk memendekkan masa yang diambil untuk proses satu permohonan pinjaman, tetapi ia merupakan satu komitmen oleh bank-bank terhadap satu had masa minima dan maksima dalam setiap peringkat-peringkat tersebut dalam pemprosesan satu permohonan pinjaman mudah dan jelas.
 - Satu permohonan pinjaman yang jelas dan mudah adalah di mana satu pinjaman tersebut tiada cagaran ataupun bersih, bukan tertakluk kepada persetujuan daripada pihak berkuasa, mana-mana pihak ketiga lain atau kelulusan CGC atau mana-mana duluan syarat-syarat khusus lain, di mana kelulusan khusus yang memerlukan masa perlu diperolehi.
- 6. Bagaimana boleh saya memeriksa status permohonan pinjaman saya atau membuat pertanyaan mengenai satu pinjaman PKS?**
- Satu senarai komprehensif SME Contact Point semua bank-bank yang terlibat telah disusun dan diwujudkan dalam laman web ABM untuk kemudahan rujukan anda. Anda juga boleh merujuk laman web kami untuk satu senarai SME Contact Point kami. Kakitangan SME Contact Point kami boleh membantu anda dengan sebarang pertanyaan berkaitan dengan permohonan pinjaman baru atau satu permohonan pinjaman yang mana telah diserahkan kepada kami.

7. Bagaimana boleh saya mengetahui lebih lanjut atau memahami dengan lebih baik tentang pelbagai inisiatif di bawah Fasa 1 "PARTNER"?

- Satu nota-nota penjelasan dan garis-garis panduan untuk set pertama inisiatif-inisiatif ini telah disediakan untuk menjelaskan, membantu dan membimbing PKS melalui inisiatif ini.
- Satu salinan nota-nota penjelasan ini dan garis-garis panduan dan pakej dokumen-dokumen di bawah Fasa 1 "PARTNER" boleh dimuat turun dari laman web ABM. Dokumen-dokumen ini juga boleh didapati di laman web bank-bank atau dalam bentuk cetakan daripada SME Contact Point kami.

8. Jika saya ada sebarang maklum balas atau pertanyaan berkenaan dengan "PARTNER", siapa sepatutnya saya hubungi?

- Maklum balas anda pada set inisiatif pertama ini adalah amat mustahak. Anda boleh menghantar maklum balas mengenai "PARTNER" dan inisiatif-inisiatifnya atau sebarang pertanyaan bagi permohonan pinjaman yang bakal dibuat atau satu permohonan pinjaman yang telah dikemukakan, kepada ABM atau melalui laman web, www.abm.org.my atau melalui talian bebas tol *ABMConnect* di 1-300-88-9980 dari 9:00 pagi hingga 5:30 petang, Isnin hingga Jumaat atau terus kepada kami di SME Contact Point kami.